

KESALAHAN PERKAHWINAN

Anda boleh membuat aduan di mahkamah tentang perbuatan suami anda dan mahkamah boleh mendakwanya atas kesalahan seperti berikut. Di antaranya ialah jika suami anda:

1. Mengganggu anda (S.107)

Anda boleh mendapatkan perintah tegahan daripada mahkamah untuk menghentikan gangguan tersebut mengikut Undang-undang Keluarga Islam atau Akta Keganasan Rumah Tangga (sila lihat risalah Akta Keganasan Rumah Tangga, WCC).

2. Menganiayai dan berlaku tidak adil terhadap anda (S.128)

Jika sabit kesalahan suami anda boleh didenda atau/dan dipenjarakan.

3. Berpoligami tanpa kebenaran mahkamah (S.124)

Jika sabit kesalahan suami anda boleh didenda atau/dan dipenjarakan.

4. Meninggalkan anda dan setelah diperintah oleh mahkamah untuk kembali kepada anda dan dia enggan berbuat demikian (S.127)

Perbuatan ini melanggar perintah mahkamah dan suami boleh didenda atau/dipenjarakan.



241, Jalan Burma, 10350 Pulau Pinang.

Tel: 04-228 0342

Faks: 04-228 5784

E-mel: wcc@wccpenang.org

Laman Web: www.wccpenang.org

© Women's Centre for Change, dikemaskini 2015



Tajaan



MMK Pembangunan
Wanita & Keluarga

PERCERAIAN Nafkah & Harta

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004*

SYARAT PERCERAIAN

- Perkahwinan anda didaftarkan di Malaysia
- Perkahwinan anda mengikut Hukum Syarak
- Permohonan perceraian harus dibuat di tempat tinggal anda

Jenis Perceraian

Di antara cara perceraian yang sering digunakan:

- Lafaz Talaq
- Ta'liq
- Fasakh
- Khulu'

LAFAZ TALAQ (S.47)

Perceraian diperolehi apabila suami hadir ke mahkamah dan dengan kebenaran mahkamah melafazkan talaq.

Pengesahan Lafaz Talaq (S.57)

Sekiranya suami melafazkan talaq di luar mahkamah, maka anda mestilah merujuk kepada Mahkamah Rendah Syariah untuk mengesahkan lafaz talaq tersebut.

TA'LIQ (Syarat) (S.50)

Ta'liq ada dua cara:

a) Perjanjian Perkahwinan

Ta'liq adalah perjanjian perkahwinan yang dilafazkan suami semasa akad nikah. Jika

suami anda melanggar ta'liq, anda boleh melaporkan hal ini kepada Mahkamah Rendah Syariah. Sekiranya mahkamah mendapati suami telah ingkar ta'liq, maka perkahwinan boleh terubur dengan satu talaq. Ta'liq mempunyai syarat seperti berikut:

1. Meninggalkan anda selama empat bulan atau lebih tanpa nafkah.
2. Melakukan penganiayaan terhadap anda.

Semua negeri mempunyai ta'liq berkaitan nafkah dan peninggalan langsung. Hanya beberapa negeri sahaja yang membenarkan perceraian ta'liq atas alasan penganiayaan.

*Seksyen (S) mungkin berbeza mengikut negeri masing-masing. Sila rujuk Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam negeri anda.

Nombor Telefon Penting

Pusat Kesedaran Wanita (WCC)	04-228 0342
Pusat Perkhidmatan Wanita (PPW) Seberang Perai	04-398 8340/41
Jabatan Bantuan Guaman (JBG)	04-210 9106/04-210 9121
Pusat Bantuan Guaman (LAC)	04-261 7451/04-310 8451/52
Jabatan Agama Islam P. Pinang	04-263 7200
Pejabat Agama Islam Daerah:	
• Timur Laut (Komtar)	04-261 2979
• Barat Daya (Titi Teras)	04-866 8525
• Seberang Perai Utara (Butterworth)	04-310 2860
• Seberang Perai Utara (Kepala Batas)	04-575 1182
• Seberang Perai Tengah (berdekatan The Summit Hotel)	04-538 6451
• Seberang Perai Selatan (berdekatan Mahkamah Rendah Syariah)	04-582 1001

b) Lafaz Cerai Bersyarat

Suatu lafaz cerai yang dibuat oleh suami anda dengan mengenakan syarat. Contohnya suami anda melafaz cerai di luar mahkamah secara bersyarat dan berkata 'apabila you balik ke rumah family you, maka jatuhlah talak satu ...'

Sebaik sahaja lafaz cerai ini berlaku, anda **mesti** membuat pengesahan lafaz cerai oleh suami ke atas anda di Mahkamah Rendah Syariah, berdasarkan S.57 (pengesahan lafaz talaq).

FASAKH (Pembubaran Perkahwinan) (S.53)

Anda atau suami anda boleh memohon fasakh jika salah satu pihak melakukan satu atau lebih dari kesalahan di bawah:

1. Bahawa tempat di mana beradanya suami atau isteri telah tidak diketahui selama tempoh lebih daripada satu tahun;
2. Bahawa suami telah cuai atau telah tidak memberi peruntukan nafkahnya selama tempoh tiga bulan;
3. Bahawa suami atau isteri telah dihukum penjara selama tiga tahun atau lebih;
4. Bahawa suami atau isteri telah tidak menunaikan, tanpa sebab yang munasabah, kewajipan perkahwinannya (nafkah batin) selama tempoh satu tahun;
5. Bahawa suami telah mati pucuk pada masa perkahwinan dan masih lagi sedemikian dan isteri tidak tahu pada masa perkahwinan bahawa suami telah mati pucuk;
6. Bahawa suami atau isteri telah gila selama tempoh dua tahun atau sedang mengidap penyakit kusta atau vitiligo atau sedang mengidap penyakit kelamin dalam keadaan boleh berjangkit;
7. Bahawa isteri, setelah dikahwinkan oleh wali mujbirnya sebelum dia mencapai umur baligh, menolak perkahwinan itu sebelum mencapai umur 18 tahun, dan dia belum disetubuhi oleh suaminya itu;

8. Bahawa suami atau isteri menganiayai isteri atau suaminya iaitu, antara lain:

- i) lazim menyakiti atau menjadikan kehidupannya menderita disebabkan oleh kezaliman atau kelakuan aniaya;
- ii) berkawan dengan perempuan atau lelaki jahat atau hidup berperangai keji mengikut Hukum Syarak;
- iii) cuba memaksa isteri hidup secara lucah;
- iv) melupuskan harta isteri atau suami atau melarang isteri atau suami itu daripada menggunakan haknya di sisi undang-undang terhadap harta itu;
- v) menghalang isteri atau suami daripada menunaikan atau menjalankan kewajipan atau amalan agamanya;
- vi) jika suami mempunyai isteri lebih daripada satu, dia tidak melayani isteri yang berkenaan secara adil mengikut kehendak Hukum Syarak

9. Bahawa walaupun empat bulan berlalu tetapi isteri masih belum disetubuhi oleh kerana suami bersengaja enggan menyetubuhinya atau isteri enggan disetubuhi;

10. Bahawa isteri tidak izin akan perkahwinan itu atau izinnya tidak sah, sama ada oleh sebab paksaan, kesilapan, ketidaksempurnaan akal, atau hal keadaan lain yang diakui oleh Hukum Syarak;

11. Bahawa pada masa perkahwinan itu isteri, sungguhpun berkebolehan memberi izin yang sah, adalah seorang yang sakit otak, sama ada berterusan atau berselang-selang, dalam erti Ordinan Sakit Otak 1952 dan sakit otaknya adalah dari suatu jenis atau setakat yang menjadikannya tidak layak untuk berkahwin; atau

12. Apa-apa alasan yang diiktiraf sebagai sah bagi membubarkan perkahwinan atau bagi fasakh di bawah Hukum Syarak.

KHULU' (Tebus Talaq) (S.49)

Anda boleh menawarkan pampasan kepada suami sebagai balasan melafazkan talaq. Jumlah pampasan tertakluk kepada persetujuan anda dan suami anda. Sekiranya jumlah pampasan tidak dipersetujui, mahkamah akan mentaksirkan jumlah tersebut. Pampasan yang afdhal mengikut Hukum Syarak adalah mengikut jumlah mas kahwin (mahar).

RUJU' (S.52)

Suami hanya boleh ruju' dengan anda dalam tempoh 'iddah (tiga kali haid atau tiga bulan selepas perceraian). Dalam tempoh 'iddah, anda dan suami **mesti** merujuk perkara ini dan mendaftarkan ruju' di Jabatan Agama Islam. Jika tempoh 'iddah selesai dan pasangan ingin merujuk semula, anda dan suami dikehendaki untuk mengakad nikah semula.

Nota: Ruju' tidak boleh dilakukan dalam perceraian secara fasakh, khulu' dan lafaz talak tiga.

NAFKAH DAN HARTA

NAFKAH

Selepas proses perceraian, anda berhak menuntut:

1. Nafkah 'Iddah (S.60 & 66)
Selama tempoh 'iddah.
2. Nafkah Tertunggak Isteri (S.70 & 71)
Jika pada masa perkahwinan suami gagal memberi anda nafkah dan nafkah sementara menunggu prosiding perceraian.
3. Nafkah Anak dan Nafkah Tertunggak Anak (S.74 & 78)
Jika anda diberi hak penjagaan anak secara kekal atau sementara.

MUTA'AH (Bayaran Saguhati) (S.58)

Anda berhak memohon muta'ah daripada suami anda selepas perceraian, terutamanya jika perceraian itu bukan disebabkan oleh anda. Jumlah muta'ah akan ditetapkan oleh mahkamah.

HARTA SEPENCARIAN (S. 122)

Anda berhak memohon harta yang terkumpul semasa perkahwinan anda dan suami. Mahkamah akan membuat keputusan mengenai kadar pembahagian harta tersebut dengan mengambil kira sumbangan anda seperti:

- Kewangan, harta benda atau tenaga
- Hutang untuk kepentingan bersama semasa perkahwinan
- Keperluan anak-anak yang belum dewasa

Anda berhak menuntut harta sepencarian walaupun harta yang diperolehi semasa perkahwinan hanya daripada usaha suami sahaja. Mahkamah akan membahagikan harta tersebut dengan mengambil kira:

- Sumbangan tenaga anda terhadap kebajikan keluarga
- Sumbangan tenaga anda yang membolehkan suami mengumpulkan harta
- Keperluan anak-anak yang belum dewasa daripada perkahwinan anda

Hak Tempat Tinggal (S.72)

Anda berhak tinggal di rumah yang didiami semasa perkahwinan selagi suami anda tidak menyediakan tempat tinggal lain yang bersesuaian. Hak tempat tinggal akan terbatal apabila:

- Tamat tempoh 'iddah
- Tamat tempoh penjagaan anak (hingga umur anak 18 tahun atau lebih)
- Anda berkahwin lain
- Anda berkelakuan keji

HADANAH DAN PENJAGAAN ANAK

(S.82)

Anda mempunyai keutamaan ke atas hadanah (custody) anak dan suami ke atas penjagaan (guardianship) hak dan harta anak. Hak tersebut boleh dicabar di mahkamah jika salah satu pihak dianggap tidak sesuai diberi hak tersebut. Mahkamah